

4th Issue **VOLUME 1 : JULY 2025**

UiTM MUKAH BULLETIN



Inou Dengah UiTM Mukah?

4th Issue | Volume 1 | July 2025



TABLE OF CONTENT

- 01** From Rector's Desk
- 02** From Assistant Rector's Desk
- 03** Chief Editor's Note
- 04** Editorial Board
- 05** Highlights
- 10** News and Articles
- 63** Creative Writing
- 67** Congratulations!
- 74** Thank You
- 75** Happy Retirement!
- 76** Press and Media Coverage

EDITORIAL BOARD

Professor Dr. Firdaus Abdullah
Patron

Dr. Abdul Jabbar Abdullah
Advisor

Mr. Mohd Shafik Hj. Mohd Samsi
Chief Editor

Editors : **Ms. Siti Faridah Kamaruddin**
Ms. Stefanie Natasha Rich Joseph
Ms. Cindy Robert
Ms. Fakhira Jafri
Ms. Shirley Clare Jeri

Mr. Shileyiusken Mijen
Webmaster

Mrs. Irene Seluroh
Layout & Design

Mr. Anas Asrawy Pendapat
Photographer

Ms. Nuranissa Mercy Punai
Internship Trainee

Published by:

Corporate Communication Unit, UiTM Mukah Campus

eISSN : 2976-257X

Published Date : 4 July 2025

NEWS AND ARTICLES

PERTANDINGAN DEBAT PIALA PENOLONG REKTOR UiTM MUKAH TARIK PENYERTAAN HEBAT

Penulis: Dr. Muhammad Shahimi Ariffin, Mohd Zuhaili Kamal Basir, Muhammad Nasarudin Sulaiman, Muhammad Anas Abdul Razak, dan Muhammad Zulkhairi Zakariah

Mukah, Sarawak - Pada 1 hingga 3 November 2024, Persatuan Debat Kenyalang Mukah telah menganjurkan Pertandingan Debat antara semua kelab dan persatuan di peringkat UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah yang berlangsung di Dewan Judan. Inisiatif ini teretus hasil daripada kejayaan cemerlang pasukan UiTM Kampus Mukah yang telah menjuarai Pertandingan Debat Piala Rektor selama dua tahun berturut-turut.

Pertandingan ini dianjurkan bagi mencungkil bakat-bakat baharu serta melahirkan pelapis yang berpotensi tinggi untuk meneruskan legasi kecemerlangan debat kampus ke peringkat lebih tinggi. Sambutan yang menggalakkan daripada pelajar jelas membuktikan bahawa debat kategori Bahasa Melayu masih relevan dan mampu menarik minat melalui penyertaan yang aktif.

Sebanyak 14 kelab dan persatuan mahasiswa serta dua pasukan bebas telah mengambil bahagian dalam edisi kali ini, menjadikan jumlah keseluruhan 16 pasukan yang bertanding. Sebelum pertandingan bermula, taklimat khas telah diberikan kepada semua peserta bagi memastikan setiap pasukan memahami format dan peraturan yang ditetapkan. Pertandingan dijalankan secara pusingan kalah mati, yang menambahkan elemen dramatik dan daya saing tinggi di setiap peringkat.

Kemuncak pertandingan menyaksikan pertembungan sengit antara dua pasukan terbaik, iaitu Persatuan D'Bankers dan Jawatankuasa Perwakilan Pelajar Kerohanian Non-Muslim (JPPK), dalam pusingan akhir. Usul yang dibahas berbunyi "Pindaan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 2024: Mahasiswa Kita Sudah Bersedia", telah mencetuskan perdebatan hangat dan penuh intelektual sehingga memukau perhatian hadirin yang memenuhi dewan.



Pasukan D'Bankers diwakili oleh Mohamad Zarif Hamzi bin Baharnuddin, Syaida Husna binti Osman, dan Ely Maisarah binti Abdullah, manakala pasukan JPPK diwakili oleh Victoria Sangau anak Chali, Ney Anyslee Ruth anak Noing, dan Casandra Umba Pegong. Kedua-dua pasukan menampilkan prestasi luar biasa sepanjang kejohanan.

Akhirnya, pasukan debat JPPK berjaya menewaskan seteru mereka dan dinobatkan sebagai Juara Keseluruhan, membawa pulang piala pusingan serta hadiah wang tunai. Dalam pada itu, gelaran Pendebat Terbaik turut dianugerahkan kepada Syaida Husna binti Osman dari pasukan D'Bankers sebagai pengiktirafan terhadap kepetahan dan hujah bernas yang dipersembahkannya.

Penganjuran pertandingan ini bukan sahaja membuktikan keupayaan mahasiswa dan mahasiswi UiTM Kampus Mukah dalam bidang debat, malah menjadi platform penting dalam melatih pemimpin muda yang kritis dan berwibawa. Pertandingan ini dijangka akan diteruskan pada tahun 2025, seiring dengan misi Persatuan Debat Kenyalang Mukah untuk melahirkan lebih ramai pendebat berkualiti tinggi dan meneruskan legasi kecemerlangan di peringkat kampus dan kebangsaan.

